

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK LINDA TSEN THAU LIN  
[ BATU SAPI ]**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2017**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan cara untuk menyelaraskan dasar dan pendirian jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri tentang kegiatan pelancongan untuk mengelakkan percanggahan pendirian dan kekeliruan.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk memastikan penyelarasan dasar dan pendirian jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan (JKPPK) setiap tahun. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan dan dianggotai oleh semua Yang Berhormat Menteri Pelancongan Negeri, Yang Berhormat Exco Pelancongan Negeri, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Kerajaan Persekutuan yang berkaitan, Pengarah-Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pengarah-Pengarah Jabatan Kerajaan yang berkaitan dan Ketua-Ketua Pengarah Jabatan/Agensi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Mesyuarat ini merupakan platform bagi Kerajaan-kerajaan Negeri untuk berbincang dan membangkitkan isu-isu berhubung dengan pertumbuhan industri pelancongan dan kebudayaan di peringkat negeri, di samping merangka strategi dan pelan tindakan yang bersesuaian bagi menangani isu-isu atau krisis yang mungkin akan memberikan impak kepada industri pelancongan dan kebudayaan. Ia juga merupakan satu platform untuk memantau pelaksanaan dasar-dasar dan projek-projek pembangunan pelancongan dan kebudayaan di peringkat negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Mesyuarat JKPPK bagi tahun ini telah diadakan pada 24 Oktober 2017.

10)

Selain itu, Kementerian ini juga mengadakan pelbagai mesyuarat di peringkat pegawai kanan serta sesi-sesi *engagement* bersama pihak-pihak berkepentingan dari semasa ke semasa untuk memastikan pelaksanaan dasar Kerajaan sentiasa selari dengan kehendak industri dan dapat dilaksanakan secara berkesan.

Sekian, terima kasih.